

PENYUNTINGAN

Praktis 1

Baca kenyataan tawaran dengan telitinya. Kenyataan tawaran tersebut mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin kenyataan tawaran tersebut. 

TAWARAN SEBUTHARGA UNTUK KEDAI BUKU SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH SUNGAI DUA

1. Tawaran dibuka kepada warga negara Malaysia yang berminat untuk mengendalikan Kedai Buku sekolah ini bagi tempoh 2 tahun mulai **01 Disember 2024 hingga 30 November 2026**.
2. Borang sebut harga yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat berlakri dan ditandakan '**SEBUT HARGA KEDAI BUKU SEKOLAH MENENGAH SUNGAI DUA**' dibahagian atas sudut kiri. Borang serta lain-lain dokumen yang berkaitan hendaklah sampai ke pejabat sekolah pada atau sebelum **30 September 2024** pukul 12:00 tengahari.
3. Setiap sebut harga hendaklah disertakan wang cagaran sebanyak RM1,000 (**Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja**) dalam bentuk **kiriman wang/wang pos/cek berpalang** atas nama "**PENGETUA SEKOLAH MENENGAH SUNGAI DUA**". Permohonan yang tidak disertakan wang cagaran, tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan dilayan dan dipertimbangkan. Wang cagaran pemohon yang tidak berjaya akan dikembalikan semula. Permohonan yang berjaya dikehendaki menandatangani satu ikrar dengan pihak sekolah.
4. Borang Tawaran Sebut Harga boleh didapati di pejabat sekolah, pada waktu pejabat mulai **01 September 2024 hingga 30 September 2024** dari pukul 8:00 pagi hingga pukul 5:00 petang secara "**PERCUMA**".
5. Bilangan murid dan kakitangan sekolah tahun semasa adalah seperti berikut:

Murid Melayu	: 738 orang
Murid Cina	: 3 orang
Murid India	: 45 orang
Lain-lain	: 158 orang
Murid Prasekolah	: 50 orang
Jumlah Keseluruhan	: 994 orang
Guru	: 68 orang
Kakitangan Sokongan	: 6 orang
Sesi persekolahan	: Pagi dan petang
6. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamat. Sebarang bantahan tidak akan dilayan. Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang Menjalankan Tugas,

Pengetua

Sekolah Menengah Sungai Dua

[9 markah]

- | | |
|-------------|--------------|
| (i) _____ | (vi) _____ |
| (ii) _____ | (vii) _____ |
| (iii) _____ | (viii) _____ |
| (iv) _____ | (ix) _____ |
| (v) _____ | |